



## **KENYATAAN UMUM**

### **KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN**

### **PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA**

### **ATOM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN**

### **PERGERAKAN**

---

Merujuk kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2020 berhubung pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) terus komited untuk memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan untuk memfasilitasikan pihak industri dan pemegang lesen sepanjang tempoh PKP ini.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Mbenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran dalam tempoh PKP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamatkan PKP bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan meter tinjau yang sah tentukuran; dan

- b) Mbenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan dalam tempoh PKP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamat PKP bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang sah senggaraan; dan
- c) Mbenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran dalam tempoh PKP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamat PKP bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah; dan
- d) Mbenarkan penggunaan alat pemantauan kakitangan dan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran, yang digunakan bagi bulan Mac dan April 2020 untuk terus digunakan sehingga Mei 2020; dan
- e) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun pegawai perlindungan sinaran (PPS)/ penyelia (PY)/ pengendali perunding (PP)/ pengendali perunding bebas (PPB) yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh PKP ini walaupun mata CEP tidak mencukupi; dan

- f) Mempertimbangkan dalam tempoh PKP ini, pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun bagi PPS/ PY yang berkhidmat di kawasan kawalan yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan, yang pada masa yang sama pemeriksaan perubatannya juga telah melebihi tiga (3) tahun. Apabila tempoh PKP tamat, PPS/PY tersebut hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan dengan segera.

LPTA berharap agar kemudahan yang disediakan ini dapat meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam operasi harian yang berkaitan aktiviti tenaga atom sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan. Sila ambil perhatian bahawa pemegang lesen adalah kekal tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

LPTA turut menyeru dan mengingatkan agar semua pihak bersama-sama memainkan peranan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
Dikemaskini 24 April 2020 @ 5.00 petang